

27 JUN 1996

Samy - Pemikir

KUMPULAN PEMIKIR DITUBUH DI JABATAN KERJA KERJA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Kumpulan pemikir akan ditubuhkan di Jabatan Kerja Raya bagi merangka strategi untuk memastikan semua projek di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) siap mengikut jadual, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

"Saya telah mengarahkan Ketua Pengarah JKR yang baru Datuk Omar Ibrahim menubuhkan kumpulan pemikir berkenaan," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Mangga India di sini.

Beliau berkata JKR sedang menggerakkan jenteranya bagi menjalankan semua kerja pembaikan jalan untuk memastikan semua projek siap mengikut jadual.

Samy Vellu yang juga Presiden MIC berkata beliau memberi perhatian kepada dilema yang dihadapi oleh Kuil Murugan di Jalan Bellamy di sini yang akan dirobohkan bagi projek jalan.

Katanya, beliau memandang berat perkara itu dan akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjelaskan mengenai nilai kuil itu daripada segi sejarah.

Samy Vellu berkata beliau juga akan menarik perhatian Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai perkara itu. Anwar akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tanah esok.

"Jika kuil itu menghalang projek pembangunan, saya berpendapat lebih baik ia dipindahkan ke tempat lain dan tidak dirobohkan," kata beliau.

Samy Vellu berkata beliau telah membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Terdahulu, Samy Vellu menggesa kerajaan India meningkatkan eksport mangga ke Malayusia memandangkan buah itu mempunyai potensi pasaran yang luas di negara ini. -- BERNAMA

AKT FAZ